## BAB 5: PENGANGKUTAN DI MALAYSIA TING. 2

**Bahagian A: Objektif**

**Arahan: Jawab semua soalan di bawah.**

1. Apakah lebuh raya yang terpanjang di Semenanjung Malaysia?
   A. Lebuhraya Timur-Barat
   B. Lebuhraya Pantai Timur
   C. Lebuhraya Utara-Selatan
   D. Lebuhraya Persekutuan

2. Kawasan manakah yang menghubungkan Grik di Perak yang melalui Lebuhraya Timur-Barat?
   A. Jeli
   B. Machang
   C. Kuala Krai
   D. Gua Musang

3. Apakah stesen kereta api yang menjadi persimpangan antara pantai timur dengan pantai barat Semenanjung Malaysia?
   A. Alor Setar
   B. Gemas
   C. Kuala Lumpur
   D. Seremban

4. Antara berikut pasangan manakah yang betul?

| | **Lapangan Terbang** | **Negeri** |
|---|---|---|
| A | Lapangan Terbang Lahad Datu | Sarawak |
| B | Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah | Pulau Pinang |
| C | Lapangan Terbang Antarabangsa Senai | Johor Bahru |
| D | Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim | Selangor |

5. Apakah pelabuhan yang menyediakan perkhidmatan perahu kecil untuk persiaran?
   A. Pelabuhan Klang
   B. Pelabuhan Tanjung Manis
   C. Pelabuhan Pulau Pinang
   D. Pelabuhan Kuantan

6. Antara berikut, yang manakah tergolong dalam pengangkutan awam?
   I. bas
   II. teksi
   III. traktor
   IV. jengkaut

   A. I dan II
   B. I dan IV
   C. II dan III
   D. III dan IV

LIVEWORKSHEETS

7. Apakah perkhidmatan yang tergolong dalam dalam rel bersepadu?
   I. monorel
   II. KTM komuter
   III. e-panggilan
   IV. bot ekspress

   A. I dan II
   B. I dan IV
   C. II dan III
   D. III dan IV

8. Apakah jenis pengangkutan awam yang berkaitan dengan pernyataan berikut?

| |
|---|
| Proses menempah atau memesan kenderaan seperti teksi melalui komputer atau peranti bergerak |

   A. e-dagang
   B. e-tempahan
   C. e-panggilan
   D. e-perbankan

9. Apakah faktor yang mempengaruhi jaringan pengangkutan di Malaysia?
   I. cuaca setempat
   II. taburan penduduk
   III. kemajuan teknologi
   IV. dasar kerajaan

   A. I dan II
   B. I dan IV
   C. II dan III
   D. III dan IV

10. Mengapakah pembinaan jaringan pengangkutan di kawasan berpaya menelan kos yang tinggi?
   I. tanah yang lembut
   II. kawasan yang berbau
   III. perlu dibina jambatan
   IV. kawasan perlu ditambak

   A. I dan II
   B. I dan IV
   C. II dan III
   D. III dan IV

11. Apakah bandar yang pesat membangun kesan pembinaan lebuhraya antara Kuala Lumpur dengan Seremban?
   A. Ayer Keroh
   B. Alor Gajah
   C. Petaling Jaya
   D. Bandar Baru Nilai

LIVEWORKSHEETS

12. Apakah kepentingan pengangkutan awam di Malaysia?
    I. memajukan industry pelancongan
    II. mengurangkan kesesakan lalu lintas
    III. menurunkan darjah ketersampaian
    IV. mengurangkan migrasi penduduk luar bandar

    A. I dan II
    B. I dan IV
    C. II dan III
    D. III dan IV

13. Antara berikut, manakah pengangkutan awam yang dapat mengurangkan pencemaran udara di bandar?
    I. ETS
    II. bas
    III. teksi
    IV. KTM Komuter

    A. I dan II
    B. I dan IV
    C. II dan III
    D. III dan IV

14. Apakah kepentingan penggunaan pengangkutan berikut terhadap alam sekitar?

| |
|---|
| • kereta elektrik<br>• kereta hibrid |

    I. mengurangkan kemalangan
    II. mengurangkan bilangan kenderaan
    III. menjimatkan penggunaan bahan api fosil
    IV. pembebasan gas karbon dioksida dapat dikurangkan

    A. I dan II
    B. I dan IV
    C. II dan III
    D. III dan IV

15. Apakah kepentingan amalan berkongsi kereta terhadap alam sekitar?
    A. meningkatkan kesesakan lalu lintas
    B. menjimatkan penggunaan bahan api
    C. mengurangkan kos penyelenggaraan kereta
    D. mengurangkan pembebasan gas karbon monoksida ke udara

**TERIMA KASIH. SELAMAT MAJU JAYA**

LIVEWORKSHEETS